

## **Program Bahasa Inggeris sebagai Bahasa tambahan (EAL/D) di Sekolah Rendah Gosnells**

Sekolah Rendah Gosnells mempunyai campuran pelajar pelbagai bangsa dan budaya. Kami mempunyai pelajar dari 30 negara yang berbeza dan mereka bertutur dalam lebih daripada 40 bahasa yang berbeza di rumah. Di sekolah kami terdapat lebih kurang 400 pelajar, termasuk kira-kira 150 pelajar dari pelbagai segi budaya dan bahasa latar belakang. Keluarga pelajar datang dari serata dunia, dengan sekumpulan besar pelajar dari India, Filipina, Myanmar dan New Zealand (Maori-orang asli New Zealand).

Guru-guru di Sekolah Rendah Gosnells dapat mengakses sokongan program Bahasa Inggeris dari guru pakar EAL/D dan guru pembantunya. Apabila pelajar tiba di Sekolah Rendah Gosnells dengan jurang dalam keupayaan mereka untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris atau jika mereka kekurangan kemahiran literasi, guru kelas akan merujuk mereka kepada kumpulan EAL /D untuk penilaian dan sokongan.

Kumpulan EAL/D menyokong pelajar dengan memberikan bantuan kepada pelajar di dalam kelas atau melalui kelas bimbingan dengan tumpuan kepada aspek-aspek tertentu Bahasa Inggeris dan literasi. Guru pakar EAL/D juga sedia untuk memberi nasihat kepada ibu bapa pelajar tentang bagaimana mereka boleh menyokong pelajaran anak mereka di rumah. Sekali sekala, guru pakar mengadakan sesi EAL/D untuk ibu bapa pelajar, dengan penterjemah (jika perlu), untuk menyampaikan maklumat kepada ibu bapa untuk membantu ibu bapa memahami aspek persekolahan di Australia.

Pelajar yang baru tiba (ke Australia) yang terhad Bahasa Inggeris akan dirujuk kepada Pusat Bahasa Inggeris Intensif tempatan kami di Sekolah Rendah Thornlie, di mana mereka akan mendapat sokongan yang lebih menyeluruh.

Pelajar EAL/D dinilai dan dilapor menggunakan Peta Kemajuan Jabatan Pendidikan, berbeza daripada penggredan biasa. Ini adalah supaya mereka boleh menunjukkan kemajuan mereka apabila mereka memperolehi kemahiran bahasa Inggeris, dalam tempoh beberapa bulan ataupun tahun. Apabila pelajar mencapai tahap 4 atau 5 dalam 4 komponen dari Peta Kemajuan (Pendengaran, Lisan, Pembacaan dan Penulisan), pencapaian mereka adalah sama seperti tahap C untuk Bahasa Inggeris. Ini bermakna kemahiran bahasa Inggeris mereka setanding dengan rakan-rakan mereka maka sokongan EAL/D mereka boleh dikurangkan.